

# GENK

EKSPRESI GENERASI KOSMO!

Kosmo!

• ISNIN 27 MAC 2017

Ikuti  
kami di  
Kosmo\_Online

AMALEFEN!  
[www.lejenpress.com](http://www.lejenpress.com)



# Garapan Kreatif

## Mikael Sahaja, Aneff Bahrom

> Lihat muka 30 & 31

ANEFF memanfaatkan masa senggangnya dengan merangka idea untuk melengkapkan plot novel yang ditulis.



# Minat menulis sejak kecil

Hobi menulis pada masa lapang akhirnya membawa Mikael Sahaja dan Aneff Bahrom sebagai penulis muda genre alternatif apabila idea kreatif mereka dijilidkan menjadi novel.

**K**ANAK-KANAK lelaki itu kelihatan ralit membelek buku cerita yang memaparkan ilustrasi menarik berwarna-warni. Buku-buku itu dibeli oleh ibunya agar Muhammad Norakmal Hakim Mohd. Ramlee leka sejenak sementara menunggu kedua-dua ibu bapanya habis bermiaga.

Semakin anak tunggal itu meningkat remaja, ibunya lebih kerap membeli novel-novel cinta keluaran syarikat penerbitan terkenal tempatan.

"Adakalanya saya membaca novel itu namun, secara peribadi jiwa lelaki saya kurang menggemari plot penceritaan klise yang mengetengahkan permasalahan cinta pasangan kekasih semata-mata.

"Bagi saya, ruang lingkup cinta lebih besar daripada itu," ujarnya yang kini menginjak usia 26 tahun.

Tahun berganti tahun, bilaupun tidak pernah mengambil sebarang kelas penulisan atau kursus sastera, tanpa disedari, pendedahan awal terhadap dunia penulisan sejak kecil telah mendorong dia untuk melahirkan naskhah tulisan sendiri.

Dia mula berjinak-jinak mencoret karya sendiri sejak berusia 15 tahun. Rentak penulisannya diperlahangkan sedikit sewaktu tingkatan empat dan lima apabila dia diterima masuk ke sekolah berasrama penuh, Sekolah Menengah Sains Tun Syed Sheh Shahabudin (Soksek) di Bukit Mertajam, Pulau Pinang dan seterusnya menyambung ke Kolej Matrikulasi Melaka.

MIKAEL mempunyai minat untuk menulis novel selepas membaca sejak kecil.


**INFO**
**Mikael Sahaja**

**Nama:** Muhammad Norakmal Hakim Mohd. Ramlee  
**Umur:** 26 tahun  
**Asal:** Petaling Jaya, Selangor  
**Pendidikan:** Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pembinaan, UTHM  
**Pekerjaan:** Eksekutif sektor pembinaan  
**Wattpad:** @mikaelsahaja  
**Novel:** Kisah Cinta Budak Sekolah

The screenshot shows Mikael Sahaja's Wattpad profile. His bio states: "Agama ni, Islam. Hobi menulis. Dikenali sebagai 'mikaelsahaja' di Wattpad. Memberikan sebarang jaminan yang peranggi budak sekolah egama ni Less Syertonirojin dierpadu budak sekolah biasa." His story 'Kisah Cinta Budak Sekolah' has 7 works, 4.4K followers, and 1.8K reviews. The story itself is titled 'Move On' and discusses a boy's love for a girl named Rani. The Wattpad interface includes a sidebar with 'Stories by mikaelsahaja' and a footer with social media links.

APLIKASI Wattpad menjadi medan untuk Mikael Sahaja berkarya.

Walaupun mempunyai latar belakang pendidikan dalam jurusan sains, anak kelahiran Petaling Jaya yang kini menetap di Puchong itu tidak pernah mengabaikan minatnya untuk menulis.

Sewaktu mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pembinaan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), dia sempat mencuri sedikit masa untuk menulis. Hakim mula menggunakan nama pena Mikael sebagai pengenalan dirinya.

"Nama Mikael diperoleh daripada kaedah unik membalikkan ejaan nama Hakim. Apabila ditanya nama pena, saya lantas memberitahu Mikael, namun, penggunaan frasa tunggal menyebabkan orang sering memulangkan pertanyaan 'Mikael aje?' kepada saya."

"Lantas, terdetik di hati untuk mengekalkan perkataan 'sahaja' itu dan menggabungkannya dengan Mikael. Maka, terjadilah nama pena seperti yang digunakan hari ini iaitu Mikael Sahaja," jelasnya dalam tawa.

**Novel sulung**

Sebagai Mikael Sahaja, dia memuat naik hasil penulisannya ke dalam akaun sosial Twitter dan aplikasi Wattpad menggunakan nama [@mikaelsahaja](#).

Jika sebelum ini dia hanya menulis atas dasar hobi, kini minatnya itu diterjemahkan ke dalam bentuk fizikal apabila novel pertamanya, *Kisah Cinta Budak Sekolah* berjaya diterbitkan oleh syarikat penerbitan indie terkenal, Lejen Press baru-baru ini.

"Hanya kesyukuran yang mampu saya panjatkan setelah novel sulung ini diterbitkan," luahnya.

Secara ringkas, *Kisah Cinta Budak Sekolah* berkisar kepada sekumpulan lima orang pelajar lelaki yang berkawan baik, namun mempunyai kerentahan yang pelbagai.

Latar masa penceritaan ialah sekitar tahun 2004 iaitu sewaktu mereka berada di tingkatan satu.

Sebagai bahan bacaan ringan bergenre alam persekolahan, sasaran pembaca ialah pelajar perempuan yang berumur di antara 13 hingga 21 tahun.

"Saya cuba menampilkan kelainan dalam naskhah sulung ini. Walaupun mengetengahkan elemen cinta, pengisianya meliputi aspek yang lebih luas merangkumi persahabatan, keleluargaan dan pelajaran."

"Cinta ada banyak jenis. Sekiranya ia disalurkan dengan betul, impaknya juga akan menjadi sesuatu yang indah kepada pemberi dan penerima," tutur eksekutif sektor pembinaan swasta di ibu kota yang kini dalam proses menyiapkan novel kedua.

Berkongsi minat yang sama ialah Muhammad Aneff Bahrom, 26.

Biar pun sebelum ini dia hanya menulis sekadar suka-suka, anak kelahiran Melaka yang kini menetap di Kuala Lumpur itu sangat komited dalam menghasilkan jilid demi jilid 'buah tangan' untuk tatapan pembaca.

Mengakui gemar mengangkat genre seram dan elemen cemas dalam menggarap cerita, anak muda yang menggunakan nama pena Aneff Bahrom itu boleh berbangga apabila berjaya menerbitkan dua buah novel dalam tempoh dua tahun berturut-turut di bawah percetakan Lejen Press iaitu pada tahun 2016 dan 2017.

Novel pertamanya, *Sembelih* mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pembaca. Malah, ramai yang mengharapkan sambungan kisah seterusnya manakala novel kedua iaitu *Goda* dilancarkan baru-baru ini.

*Goda* mengisahkan seorang lelaki yang diberi peluang kedua setelah melalui satu fasa gelap dalam hidup sebelum

27/3/17  
 Rini

itu. Dalam usaha memulakan hidup baharu, dia tetap dihantui oleh bayangan dan individu yang masih memburu masa silamnya atas tiket dendam.

"Saya cuba menyampaikan mesej kekeluargaan dalam buah tangan terbaharu ini iaitu sejauh mana perjuangan yang sanggup dilakukan dan pengorbanan yang perlu ditempuh oleh seseorang dalam mempertahankan orang yang disayangi," ujar jejaka yang kini menjawat jawatan sebagai seorang eksekutif komunikasi di sebuah syarikat milik kerajaan (GLC) di Damansara, Kuala Lumpur.

Menariknya, anak bongsu daripada lima orang adik-beradik itu banyak menerapkan karakter dirinya dalam mengolah watak utama setiap novel yang dihasilkan.

"Ada beberapa babak yang mengaitkan karakter saya dalam watak itu seperti olahan persekitaran di Melaka atau kolej."

"Ita memudahkan cerita itu disampaikan kepada pembaca kerana seolah-olah saya sedang bercerita perihal diri sendiri," terangnya yang mengambil masa selama hampir enam bulan untuk menyiapkan sebuah novel.

### Manuskrip

Anak muda yang tidak pernah mendapat pendidikan formal dalam bidang penulisan itu memiliki kelebihan apabila pernah mengikuti latihan industri di syarikat penerbitan yang sama iaitu Lejen Press sebelum ini.

"Dalam tempoh itu, saya banyak belajar daripada contoh manuskrip yang dihantar kepada syarikat untuk pertimbangan penerbitan."

"Ia menjadi panduan kepada saya untuk menghasilkan manuskrip yang lebih berkualiti dan cuba untuk tidak mengulangi kelemahan atau kesilapan dalam contoh-contoh yang dibaca. Pengalaman yang diperoleh pada masa itu amat berharga," jelasnya.

Aneff juga menjadikan penulis novel ketuhanan terkenal dari tanah seberang, *Habiburrahman El Shirazy* sebagai sumber inspirasi manakala idola dalam penulisan alternatif ialah *Nadia Khan* dan *Nami Cob Nobbler*.


Selain aktif menulis novel pada setiap waktu



ANEFF bercadang untuk menghasilkan manuskrip drama pada masa hadapan.

senggang di luar tugas hakiki di pejabat, Aneff juga pernah menghasilkan beberapa naskhah manuskrip drama sewaktu pengajian Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa di Universiti Putra Malaysia (UPM) sebelum ini.

Tidak mahu bakatnya terkubur, Aneff juga berhasrat untuk menghasilkan manuskrip drama dan kini masih dalam fasa mengumpul data untuk projek itu.



SEBAHAGIAN daripada buku terbitan Lejen Press yang dipamerkan di kedai buku Lejen di Subang Jaya, Selangor.

# Penulisan alternatif semai budaya membaca

HARI ini, rata-rata golongan muda pasti mengenali legasi penerbitan buku alternatif yang mendapat sambutan dalam pasaran.

Gaya bahasa santai dan teknik penyampaian yang spontan serta ringkas menjadikan trend buku alternatif mudah difahami oleh pembacanya.

**Ketua Pegawai Teknikal Lejen Press Sdn. Bhd., Shahrul Naim Amin** memberitahu, haluan penulisan alternatif dilihat sejajar dengan golongan sasaran pembaca iaitu generasi muda terutamanya dalam lingkungan usia antara belasan hingga 35 tahun.

"Teknik penceritaan dan olahan plot dalam bahasa yang mudah difahami mampu menarik minat ramai golongan muda untuk membudayakan amalan membaca."

"Tidak keterlaluan jika saya katakan, penulisan alternatif merupakan jambatan yang menghubungkan minda pembaca yang tandus dengan pembacaan bahan ilmiah agar tetap terisi dengan input bermaklumat," ujarnya sewaktu dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Dalam erti kata lain, penulisan alternatif dapat menarik minat mereka yang tidak suka membaca untuk membudayakan tabiat itu. Mengulas tentang peranan atau potensi seseorang penulis untuk menyampaikan input bermanfaat kepada pembaca, Shahrul Naim menjelaskan, penulis yang kompeten perlu membuat kajian latar belakang terhadap sesuatu isu, mengumpul data dan memahami haluan plot terlebih dahulu.

Ia penting agar garapan idea itu nanti mampu memberi impak positif kepada pembaca walaupun disampaikan secara kasual dan adakalanya berunsur sarkastik.



SHAHRUL NAIM